

# Pembekuan ovum semakin popular

KOSMO 13/1/13

MS 49.

**Biarpun dibekukan lebih daripada lima tahun, kualiti ovum tidak terjejas malah boleh menghamilkan wanita menopous.**

Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN  
afzan.kasiman@kosmo.com.my


**T**EKNOLOGI kesuburan negara mencatat sejarah pada tahun 2008 dengan kelahiran Wong Wai Jing, bayi pertama yang dihasilkan daripada embrio yang dibekukan paling lama di Malaysia, iaitu selama 3,687 hari atau 10 tahun, sebulan dan seminggu, dari 2 April 1998 sehingga 9 Mei 2008.

Hari ini, selain pembekuan embrio, ovum atau sel telur wanita juga boleh dibekukan bagi kegunaan pada masa hadapan.

Biarpun kaedah pembekuan telur masih dalam proses kajian oleh Persatuan Perubatan Reproduksi Profesional Amerika (ARHP), persatuan itu percaya, kadar kelangsungan hidup ovum selepas dicairkan boleh menjangkau 90 peratus manakala kadar persenyawaan dijamin lebih daripada 80 peratus.



**OVUM** yang telah menjalani rutin di makmal akan disimpan di dalam tabung khas dengan suhu -195 darjah Celsius.



**HANYA** sel ovum yang matang akan disedut keluar untuk dibekukan.

tuk merangsang penghasilan ovum.

"Ini kerana dalam keadaan normal, seorang wanita hanya boleh menghasilkan satu sel telur pada setiap bulan selepas habis haid.

"Namun jika mahu membekukan telur, sistem reproduktif wanita perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 10 hingga 15 sel telur dalam satu masa.

## Ultrabunyi

"Sepanjang tempoh 10 hari itu, kesihatan pesakit sentiasa dipantau untuk melihat perkembangan kesuburannya," kata Nurhasinat.

Menjelang hari terakhir rawatan, pakar kesuburan akan memperhatikan pertumbuhan folikel ovari menggunakan ultrabunyi.

Apabila sel telur matang, doktor akan menyedut 10 hingga 15 sel telur menggunakan jarum halus yang dimasukkan melalui faraj.

Untuk mencegah kerosakan sel telur, air daripada telur akan dinyahkan kerana ia boleh mem-

Menurut ARHP lagi, sehingga kini lebih 200 bayi dilahirkan di dunia menggunakan telur yang dibekukan.

Angka ini jauh lebih sedikit jika dibandingkan dengan ribuan bayi yang dilahirkan menerusi kaedah pembekuan embrio.

Walaupun belum ada statistik yang tepat mengenai bilangan wanita yang membekukan telur mereka, ramai wanita khususnya golongan yang sudah meningkat ke usia 30-an dan memiliki kerjaya yang bagus namun belum mempunyai pasangan, menganggap teknologi ini relevan malah permintaan terhadapnya semakin bertambah terutamanya di Barat.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Kesuburan Extend Fertility di Amerika Syarikat, Christina Jones memberitahu, teknologi pembekuan ovum memberi peluang kepada wanita untuk menanggukkan kehamilan.

"Mereka boleh menuai telur terlebih dahulu, membekukannya dan menggunakannya apabila mereka benar-benar bersedia untuk mempunyai anak," kata Jones.

Jelas beliau lagi, kaedah tersebut diperkenalkan lebih dua dekad lalu apabila ada seorang wanita yang sudah menopause bertanya, adakah dia masih boleh hamil jika ada wanita muda ingin mendermakan sel ovum kepadanya?

"Persoalan ini telah mencetuskan penerokaan dan perkembangan yang positif.

"Pakar-pakar kesuburan akhirnya tampil dengan kaedah pem-

bekuan telur yang dapat memelihara kualiti ovum untuk tempoh masa yang lama.

### Umur

"Wanita juga tidak perlu lagi terikat dengan jam biologi. Ini bermakna, umur bukan lagi penghalang untuk hamil," kata Jones.

Sementara itu, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan, Pusat Perubatan Tropicana (TMC) Petaling Jaya, Dr. Nurhasinat Mohamed Yunus memberitahu, kaedah pembekuan ovum telah lama bertapak di negara ini tetapi tidak begitu popular.

"Di Malaysia, hanya sebilangan kecil yang mengetahui tentang kaedah ini, terutamanya mereka yang berdepan dengan risiko atau masalah kesuburan.

"Di TMC misalnya, kaedah pembekuan ovum biasa dilakukan ke atas pesakit kanser yang bakal menjalani rawatan kemoterapi dan radiologi kerana terapi tersebut boleh memberi kesan kepada tahap kesuburan mereka.

"Selain itu, kaedah ini juga digunakan bagi membantu pasangan yang ingin menjalani rawatan kesuburan invitro (IVF).

"Ini kerana, ada suami yang tidak dapat menghasilkan sperma ketika sel telur isterinya matang.

"Dalam kes begini, sesetengah pasangan lebih selesa memilih untuk membekukan sel telur berbanding membekukan embrio," ujarnya yang juga Pakar Kesuburan di TMC.

Jelas Nurhasinat lagi, kualiti



**BAYI daripada telur yang dibekukan sama sihat seperti bayi normal. - Gambar hiasan**

ovum yang dibekukan boleh dikatakan hampir tidak terjejas malah peratus kebarangkalian wanita untuk hamil dengan menggunakan telur yang telah dibekukan juga tinggi.

"Walaupun belum ada bayi yang dilahirkan menerusi ovum yang dibekukan di Malaysia, banyak kejayaan yang dicapai menerusi kaedah ini di luar negara.

"Dengan adanya teknologi perubatan yang semakin canggih, risiko kerosakan pada telur apabila dicairkan dapat dikurangkan.

"Malah, kecacatan pada janin juga tidak meningkat, ia sama seperti menggunakan sel telur yang segar," katanya.

Proses penuaian ovum sebelum dibekukan tidak banyak bezanya dengan prosedur yang digunakan dalam rawatan IVF.

"Wanita yang ingin membekukan sel telurnya perlu menjalani prosedur perubatan selama 10 hari un-

terus dan menggunakan antibiotik bentuk kristal ais yang boleh merosakkan struktur dalam telur.

Ia kemudian dilindungi dengan sejenis bahan antibeku. Selepas itu, telur disimpan dan dibekukan dalam cecair nitrogen pada suhu -196 darjah Celsius.

Tempoh penyimpanannya pula bergantung kepada pesakit, sama ada setahun dua, 10 tahun atau lebih lama.

"Apabila pesakit sudah memuktamadkan masa yang sesuai untuk hamil, ovum tadi akan dikeluarkan dan dicairkan secara perlahan-lahan supaya tidak rosak akibat peningkatan suhu.

"Selepas disuntik dengan sperma, telur tersebut kemudian dimasukkan ke dalam rahim.

"Jika tiada masalah persenyawaan, wanita tersebut boleh hamil seperti biasa," jelas Nurhasinat.

Tambah beliau, umur paling ideal bagi wanita yang ingin membekukan telur ialah antara 20 hingga 30 tahun.

"Selepas usia 30, potensi kesuburan wanita mula menurun. Menjelang 35 hingga 40 tahun pula, kualiti telur juga sudah merosot.

"Begitupun, tiada had umur bagi wanita yang ingin hamil menggunakan ovum yang dibekukan.

"Walaupun sudah menopause, mereka masih boleh hamil kerana masih mempunyai rahim.

"Dengan adanya suntikan telur daripada wanita muda, nenek tua juga boleh hamil," katanya sambil memberitahu, kos rawatan pembekuan ovum menelan belanja antara RM15,000 hingga RM18,000.